

Kesimpulan :

Berdasarkan kepada analisis kajian yang telah dilakukan, penulis dapat membuat kesimpulan terhadap hasil analisis kajian tersebut seperti berikut :

Metode *qawl qadīm*

1- Metode *qawl qadīm* sedikit sebanyak masih dipengaruhi oleh metode ahli Hijāz walaupun tidak menyeluruh. Ini dibuktikan melalui cara pemikiran dan hasil keputusan fatwa al-Shāfi'ī dalam *qawl qadīm*.

Contohnya terdapat persamaan metode dan pendekatan sepertimana yang telah digunakan Imām Mālik, seperti dalam kes kadar menyapu tangan untuk bertayamum, air mengalir yang kurang dari dua kolah jika terkena najis, hukum makan kulit binatang yang disamak, menjauhkan daripada bersuci ditempat najis pada air bertakung, miliki air yang tidak mencukupi untuk mengangkat hadas, hukum menyentuh dubur dan tidak tahu atau terlupa terdapat najis pada pakaian solat.

2- Metode *qawl qadīm* banyak menggunakan penghuraian dari sudut zahir *dilālah* nas syarak. Selain itu, banyak mengutamakan metode zahir makna nas dan *manṭūq* berbanding *al-qiyās*, tanpa bergantung keselarasan maknanya dengan *al-qiyās* ataupun tidak.

3- Prinsip al-Shāfi'ī terhadap pengambilan sesuatu dalil sebagai hujah adalah berdasarkan kesahihan dalil tersebut mengikut perkiraannya, selagimana beliau tidak

menemui hadis sahih lain yang bertentangan dengan hadis *qawl qadīm*. Hal ini berlaku dalam beberapa kes, seperti air mengalir yang terkena najis, hukum air yang tidak mencukupi untuk mandi junub, tidak tahu atau terlupa terdapat najis pada pakaian solat, dan hukum membaca surah pada dua rakaat terakhir.

4- Faktor perubahan al-Shāfi'ī kepada *qawl jadīd* bukan disebabkan dalil sandaran *qawl qadīm* tidak sahih. Bahkan dalam beberapa kes, ulamak Shāfi'iyyah telah mentarjīhkan *qawl qadīm* daripada *qawl jadīd* kerana dalilnya yang sahih dan kuat. Namun perubahan kepada *qawl jadīd* ini tidak menafikan prinsip al-Shāfi'ī yang berpegang kepada dalil sahih. Kerana kedudukan hadis yang tidak jelas di sisinya, serta penemuan hadis lain yang lebih sahih, menjadi faktor utama berlaku perubahan pendapat ini. Apatah lagi dalil-dalil hadis *qawl qadīm* banyak diambil daripada ulamak-ulamak Hijāz. Sedangkan terdapat segelintir ulamak Hijāz dari pengikut Imām Mālik sendiri telah meriwayatkan hadis yang berlainan sewaktu al-Shāfi'ī di Mesir.

Metode *qawl jadīd*

1- Dalam *qawl jadīd*, al-Shāfi'ī banyak menggunakan metode *tarjīh* ketika menghuraikan maksud nas *qawl qadīm* dan *jadīd*. Metode *tarjīh* itu samada melalui penyelarasan makna antara nas, atau menta'wīlkannya. Contohnya digunakan metode *takhṣīṣ al-'ām*, *taqyīd al-muṭlaq*, *nasakh mansūkh* serta mentarjīhkan mengikut metode *al-qiyās*.

Penggunaan metode ini terbukti dalam beberapa kes, seperti hukum air mengalir yang terkena najis, hukum makan kulit binatang yang disamak, kadar menyapu tangan dalam tayamum, hukum makan daging unta, hukum menyentuh dubur, tidak tahu atau terlupa terdapat najis pada pakaian solat, dan hukum membaca surah pada dua rakaat terakhir.

2- Dalam proses metode *pentarjīhan*, al-Shāfi'ī mengambil kira nas hadis yang lebih mendapat sokongan dalil-dalil penguat lain, seperti pendapat majoriti para sahabat dan *al-qiyās*. Kedua-dua dalil ini merupakan dalil penguat yang asas. Contoh ini dapat dilihat dalam kes makan daging unta dan kadar menyapu tangan dalam tayamum. Manakala dalil penguat sampingan lain ialah *al-maṣlaḥah al-mursalah* dan *al-istiṣhāb*. Namun penggunaan dalil-dalil ini terbatas selagimana ia tidak bercanggah dengan zahir nas syarak dan *al-qiyās*. Oleh kerana itu kedua-dua dalil ini hanya diaplikasikan al-Shāfi'ī ketika wujud keperluan umum masyarakat sahaja. Hal ini dibincangkan melalui kes menjual kulit binatang yang disamak dan hukum memakannya.

3- Penyelidikan semula al-Shāfi'ī terhadap nas *qawl qadīm* menampakkan perbezaan metode pengolahan beliau ke atas sesuatu nas adalah mengikut metode *al-qiyās* dan tafsiran bahasa. Contohnya dalam kes makan kulit binatang yang disamak, makan daging unta dan hukum menyentuh dubur.

4- Mengenai metode *al-qiyās*, kebanyakan *al-qiyās* dalam *qawl jadīd* lebih sah dan menepati kehendak nas berbanding *al-qiyās qawl qadīm*. Perubahan al-Shāfi'ī yang berasaskan *al-qiyās* dalam *qawl jadīd* adalah kerana penggunaan *al-qiyās qawl qadīm* tidak menepati 'illat hukum yang sebenar, selain bertentangan dengan maksud nas dalam sebahagian kes. Antara contoh penggunaan *al-qiyās* seperti kes menjual kulit binatang yang disamak, mendapati air yang tidak mencukupi untuk mandi junub, dan hukum menyentuh dubur.

5- Kadangkala pengolahan al-Shāfi'ī terhadap nas banyak menggunakan *al-ra'y* atau logik akal. Namun ini tidak bermaksud beliau mendahulukan logik akal daripada nas. Sebaliknya bertujuan menggabungkan makna nas yang bertentangan mengikut pengolahan semula maknanya dengan bantuan akal. Hal ini berlaku di atas sikap *ihtiyāt* al-Shāfi'ī terhadap isu-isu ibadat. Contoh ini dibincangkan dalam kes bersuci ditempat najis pada air bertakung yang banyak, hukum makan daging unta, dan makan kulit binatang yang disamak.

6- Terdapat dua pendapat berbeza dalam *qawl jadīd* menunjukkan sikap amanah al-Shāfi'ī ketika mencari kebenaran hukum. Disamping itu, al-Shāfi'ī juga mengambil kira faktor adat setempat ketika menghuraikan maksud nas syarak agar bersesuaian dan memelihara keperluan masyarakat. Namun ke semua ini bergantung selagimana pemeliharaan adat itu tidak bercanggah dengan nas syarak secara jelas.

7- Selain menggunakan metode-metode tertentu, al-Shāfi'ī juga mengguna pakai pendekatan tertentu seperti pendekatan *iḥtiyāt*. Pendekatan ini bagi memastikan makna diantara dua nas yang bertentangan itu tidak diabaikan. Bahkan pendekatan ini penting untuk memelihara maksud kedua nas tersebut. Contoh pendekatan ini telah diaplikasi dalam beberapa kes, seperti membaca surah pada dua rakaat terakhir, hukum menyentuh dubur, kadar menyapu tangan ketika bertayamum, dan menjauhkan diri dari bersuci di tempat yang terkena najis.

Secara kesimpulan, hasil kajian di atas ini bukanlah muktamad. Sebaliknya keputusan kajian ini lebih bersifat relatif kerana kajian ini hanya melibatkan sebahagian kecil permasalahan yang berlaku dalam *qawl qadīm* dan *jadīd*. Walau bagaimanapun, secara pastinya setiap perubahan pendapat al-Shāfi'ī itu dibina di atas metode penyelidikan hukum yang betul dan sejajar dengan metode *usūl* yang digariskan oleh beliau sendiri menerusi kitāb *al-Risālah*. Disamping itu, bagi mencapai kebenaran hukum sebenar, al-Shāfi'ī melakukan ijtihad berterusan bagi merealisasikan tuntutan dan objektif syariat kepada kesejahteraan manusia benar-benar terlaksana.

Cadangan :

Skop kajian terhadap permasalahan antara *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* ini sangat luas. Kerana itu penulis hanya menumpukan kajian pada sesetengah persoalan masalah sahaja, iaitu dalam bab *ṭahārah*. Namun di sana lebih banyak lagi persoalan-

persoalan yang perlu dikaji, terutamanya kajian yang melibatkan metodologi hukum Imām al-Shāfi‘ī.

Contoh kajian berkaitan masalah-masalah hukum *fiqh* lain, seperti bab ibadat, *mu‘āmalāt* dan jenayat. Tujuan kajian ini tidak lain hanya untuk mengetahui metode yang diguna pakai al-Shāfi‘ī pada setiap permasalahan bab *fiqh*. Atau pun bagi mengenal pasti metode-metode tertentu yang digunakan bersesuaian mengikut semangat dan objektif yang hendak dicapai dari sesuatu masalah *fiqh* itu.

Justeru, penulis merasakan perlunya di sana satu kajian khusus berkenaan metodologi hukum al-Shāfi‘ī secara lebih terperinci. Kajian ini penting, terutamanya bagi meneruskan kesinambungan *madhhab* al-Shāfi‘ī yang asal kepada *madhhabnya* yang semasa. Namun hendaklah berpandukan metode imām al-Shāfi‘ī seperti dalam metode *uṣūlnya*, sebagai metode berijtihad bagi sesuatu masalah-masalah yang berlaku.

Sebenarnya ini bukanlah cadangan baru, sebaliknya cadangan ini hanya untuk menghidupkan kembali suasana ijtihad dalam *madhhab* al-Shāfi‘ī sepertimana yang pernah dilakukan oleh ulamak-ulamak *Shāfi‘iyyah* terdahulu. Bahkan kajian terhadap metodologi al-Shāfi‘ī ini telah pun dilakukan melalui penyelidikan para mujtahid *Shāfi‘iyyah* ke atas masalah-masalah *qawl qadīm* dan *jadīd*. Kemudiannya setiap hasil ijtihad mereka itu dijadikan sebahagian daripada *madhhab* al-Shāfi‘ī. Selain meneruskan kerja kesinambungan *madhhab* al-Shāfi‘ī yang bersifat semasa,

cadangan ini juga dapat menghidupkan suasana dan semangat ijtihad kepada setiap pencinta ilmu khususnya pengikut *madhhab* al-Shāfi‘ī.

Disamping itu, kajian terhadap sikap dan pendekatan yang diambil al-Shāfi‘ī ketika mengolah maksud sesuatu nas syarak dan membuat kesimpulan hukum daripadanya juga sangat penting. Kajian terhadap masalah ini sebenarnya dapat mengajar tentang cara-cara penghujahan al-Shāfi‘ī terhadap nas-nas syarak. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji ilmu tentang bagaimana cara berhujah dan berdebat dengan pihak lawan. Selain ia juga membina pemikiran yang kritis serta menghidupkan suasana ilmu yang lebih berdaya saing.